

|             |             |             |                     |
|-------------|-------------|-------------|---------------------|
| MediaTitle  | Kosmo       |             |                     |
| Date        | 23 Feb 2017 | Language    | Malay               |
| Circulation | 197,202     | Readership  | 875,000             |
| Section     | Negara      | Color       | Full Color          |
| Page No     | 11          | ArticleSize | 465 cm <sup>2</sup> |
| AdValue     | RM 12,067   | PR Value    | RM 36,201           |



# Ilmu sebagai panduan atau sekadar topeng

**P**ROF. Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam bukunya, *Islam & Sekular* telah mengenal pasti penyakit utama dalam kelompok muslim hari ini adalah masalah pemahaman ilmu atau epistemologi (falsafah keilmuan).

Ia bukan disebabkan masyarakat tidak berpelajaran. Sebaliknya berpunca daripada kemasukan atau penerimaan ilmu pengetahuan yang salah termasuk sifat dengki, ego, perasaan picisan dan pentingkan diri, yang masuk ke dalam hati dan pemikiran seseorang.

Jadi jangan terkejut melihat ada seseorang berperwatakan ahli agama mahupun cendekiawan tetapi pada masa yang sama melakukan hal-hal yang menyalahi etika seperti merompak, meminta rasuah, mengambil hak anak yatim dan salah urus tadbir.

Namun, kelompok ini masih berjaya menopengkan diri dengan imej 'keimanan' dengan menggunakan agama bagi memperbodohkan masyarakat. Makanya, perkara penting yang diperlukan untuk seseorang itu terutama para pemimpin adalah ilmu beretika (akhlak).

Hal ini perlu difikirkan bersama. Jika kita selalu beranggapan sekularisme sebagai ideologi negatif, rosak dan hancur namun kenapa masyarakat sekular khususnya di Eropah majoriti mereka lebih menekankan konsep adab, menghormati pendirian, sensitif terhadap isu peribadi dan tiada kompromi mengenai salah laku walaupun mereka bukan beragama.

Jika kita meneliti perkara ini lebih mendalam, pastilah kita akan memahami mengapa di England, masyarakatnya menolak sebarang unsur rasuah ketika pilihan raya walaupun ahli politik mahu membelanja sekadar secawan teh. Sedangkan kita pantang dipelawa malah ada yang sengaja meminta-minta habuan daripada calon yang bertanding.

Di sana juga apabila telefon bimbit tercicir, lazimnya ia akan ditemui kembali di balai polis mahupun dihubungi sendiri oleh individu yang menjumpai gajet tersebut. Tetapi bagaimana pula senarionya di Malaysia?

Ini bukan perihal sekular lawan agama atau apa sahaja perbandingan tetapi ini adalah pertembungan persoalan bagaimana proses indoktrinasi untuk membentuk warga berintegriti dan baik itu dilaksanakan dan menjadi produk idaman masyarakat kita.



“Yang ditangkap atau didakwa atas pelbagai kesalahan jenayah kolar putih melibatkan wang puluhan juta ringgit kebanyakannya melibatkan mereka yang bijak pandai lagi beragama

Syed Muhammad Naquib telah pun mengingatkan kita bahawa cabaran paling kritikal adalah apabila semakin hari semakin terhakis nilai beretika dan integriti walaupun di menara ilmu (universiti).

Sekali lagi jangan terkesima jika kerosakan yang berlaku pada hari ini berpunca daripada 'peresak' yang bergelar graduan atau mereka yang pernah menjadi mahasiswa di universiti.

Yang ditangkap atau didakwa atas pelbagai kesalahan jenayah kolar putih melibatkan wang puluhan juta ringgit kebanyakannya melibatkan mereka yang bijak pandai lagi beragama. Apa yang lebih menyedihkan, mereka juga mendakwa berpegang kepada al-Quran dan sunah sebagai panduan hidup malah tertera status muslim dalam kad pengenalan masing-masing.

Menurut Ali Shariati, seorang ahli falsafah Iran, para nabi diutuskan ke muka bumi bukan sekadar untuk mengajar zikir dan doa tetapi menyuburkan tingkat kesedaran bagi mengubah masyarakat yang bermasalah kepada masyarakat berperadaban

atau manusia yang manusiawi.

Mengambil contoh Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 (RUU355), kita mengharapkan lebih banyak sesi penerangan umum dan bukannya sekadar perhimpunan aman ataupun pembacaan pidato.

Perlu diadakan diskusi umum, dialog dan debat melibatkan warga muslim dan bukan muslim serta paling utamanya, rang ini kemudiannya dibentangkan secepat mungkin di Parlimen. Masyarakat harus dididik dengan pembudayaan ilmu, bukan cacimaki, sindir-menyindir dan retorik politik.

Meletakkan label “tidak sokong maknanya kamu bukan Islam” atau “kamu bukan muslim jangan ikut campur” bukanlah budaya Islam. Sekali lagi ditegaskan Syed Muhammad Naquib bahawa Islam itu bukan cabang ilmu statik tetapi dinamik. Awal Islam itu sendiri bermula dengan pemahaman iman, kemudian barulah pelaksanaannya.

Khalifah (ketua) dan ummah (masyarakat) kita terlalu fokus terhadap birokrasi dan ritual untuk beragama tetapi tertinggal bab spiritual dan kemanusiaan. Kita masih tidak bersungguhsungguh bertoleransi dalam perbezaan.

Persoalannya, sejauh manakah bersungguhnya para pimpinan politik di Malaysia dalam mendoktrinkan ilmu akhlak atau etika terhadap setiap pendukungnya?

Lalu kita hidup untuk apa? Hanya menjadi sebagai ikut-ikutan atau mahu menjadi manusia yang manusiawi dengan pilihan tersendiri? Dalam erti kata lain, agama itu adalah kemanusiaan.

● MOHD. MUZZAMMIL ISMAIL ialah Felo Akademik Pusat Pengajian Kerajaan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, Universiti Utara Malaysia